

07/11/2003

Pas bertindak untuk kepentingan politik

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno menyifatkan Pas sebagai parti yang tidak ikhlas dan bertindak hanya untuk kepentingan politik semata-mata sehingga tidak berasa bersalah selepas mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad bersandiwara untuk melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata Pas melaksanakan sesuatu perkara hanya sebagai strategi untuk menang pilihan raya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyatakan parti itu tidak rasa bersalah membuat kenyataan bahawa Dr Mahathir bersandiwara berhubung hasratnya melepaskan jawatan Perdana Menteri kerana itu adalah satu taktik memaksa beliau berhenti.

Kelmarin, Nik Aziz dilaporkan berkata, tujuan Pas termasuk beliau sendiri bertegas mengatakan Dr Mahathir hanya bersandiwara adalah bagi memastikan bekas Perdana Menteri itu betul-betul mengotakan janji dan melepaskan semua jawatannya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, mesyuarat Pemuda Umno semalam merakamkan penghargaan kepada Dr Mahathir yang memimpin negara selama lebih 22 tahun.

Katanya, Pemuda berharap kebijaksanaan dan semangat juang Dr Mahathir akan dijadikan panduan oleh generasi muda untuk meneruskan perjuangan bagi memperkasa bangsa, agama dan negara.

Beliau berkata, pergerakan itu juga akan menyokong dan bekerjasama dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru dilantik sebagai Perdana Menteri dan Pemangku Presiden Umno.

"Pemuda percaya pengalaman, kebijaksanaan dan keprihatinan Abdullah akan membawa Malaysia terus maju dan cemerlang dalam pelbagai bidang.

"Kami bertekad akan meningkatkan iltizam dan komitmen bagi membantu pucuk kepimpinan dalam perjuangan parti," katanya.

Mengenai pendirian Pemuda berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri, Hishammuddin berkata, pelantikan jawatan nombor dua itu adalah hak Abdullah dan semua pihak perlu memberikan masa kepadanya untuk membuat keputusan.

"Kita tidak bincangkan pelantikan Timbalan Perdana Menteri dalam mesyuarat exco kali ini kerana ia adalah kuasa Perdana Menteri dan beliau memerlukan masa untuk membuat pengumuman," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau yakin bahawa ketiga-tiga Naib Presiden Umno, tidak akan merebut jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden parti, beliau berkata:

"Saya cukup kenal ketiga-tiga Naib Presiden itu dan yakin ketiga-tiganya akan tetap dengan pendirian yang pernah dinyatakan dalam Perhimpunan Agung Umno bahawa tidak akan wujud perebutan jawatan selepas Abdullah menjadi Perdana Menteri.

"Lagi pun selama ini hubungan ketiga-tiga Naib Presiden dengan Abdullah baik dan tidak timbul kebimbangan akan wujud perebutan selepas Timbalan Perdana Menteri diumumkan."